

Program imunisasi menyeluruh pastikan pandemik COVID-19 tamat - Muhyiddin

Oleh [Mohd Nasaruddin Parzi](#) - Februari 16, 2021 @ 9:59am

bhnews@bh.com.my



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin (tengah) melancarkan Buku Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan di Pejabat Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung. Turut kelihatan, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba (kiri) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin.

PUTRAJAYA: Semua sektor ekonomi termasuk pelancongan yang terjejas teruk sebelum ini serta aktiviti sosial akan dibuka sepenuhnya, sebaik Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan berjaya dilaksanakan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata program imunisasi menyeluruh ini untuk memastikan imuniti kelompok dapat dibentuk di dalam komuniti bagi memutuskan rantaian penularan jangkitan COVID-19 dan akhirnya dapat menamatkan pandemik COVID-19.

"Apabila semua orang dilindungi dan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini berjaya dilaksanakan, impak positif akan mula kita rasai. Pelbagai sektor ekonomi akan dibuka semula, seperti pelancongan.

"Kita boleh saling menziarahi, aktiviti bersukan juga boleh kita amalkan, tetapi dengan mengamalkan norma baharu.

"Inilah yang saya maksudkan apabila saya katakan bahawa vaksin COVID-19 antara sinar harapan kita yang paling utama untuk kita menang dalam perang melawan COVID-19.

"Pastinya, satu lembaran baru bakal terbuka dengan bermulanya Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pada penghujung bulan ini," katanya ketika melancarkan Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan secara maya di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin serta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Pada majlis ringkas itu, Muhyiddin turut melancarkan laman web www.VaksinCovid.gov.my.